



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)**


**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PENGARAH PERKHIDMATAN ELEKTRIK (SUPERSCALE B)  
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta  
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**PENGARAH PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI  
SUPERSCALE B (\$8,000 EB KHAS \$8,210 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Elektrikal atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. i) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Superscale C atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Superscale C atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 10 tahun.
3. Lulus / dipersyaratkan untuk lulus dalam kursus "Program Pembangunan Eksekutif" di institusi-institusi tempatan ataupun luar negara atau kursus sebanding yang diiktiraf oleh Kerajaan.
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



## TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Dipertanggungjawabkan selaku Ketua Jabatan ataupun Pengarah di Jabatan Perkhidmatan Elektrik;
2. Dipertanggungjawabkan selaku Pegawai Pengawal bagi Peruntukan Jabatan Perkhidmatan Elektrik;
3. Memastikan bahawa bekalan elektrik adalah berterusan dan *reliable*;
4. Memastikan pengurusan dan pentadbiran yang berkesan, jujur dan amanah lagi efisien;
5. Mengurus dan mengawal kerja-kerja pembelian dan tawaran;
6. Mengawal kewangan termasuk perbelanjaan Jabatan dan memastikan kutipan hasil, lancar dan sempurna;
7. Mengurus permohonan bekalan elektrik;
8. Mendaftarkan pekerja-pekerja pemborong dan pembekal bagi perkara yang bersangkut paut dengan Perkhidmatan Elektrik;
9. Mengurus dan mengawas projek-projek Perkhidmatan Elektrik;
10. Membuat perancangan dan perkembangan bagi *power system* bagi Negara Brunei Darussalam;
11. Mengurus dan mengawal bidang keselamatan (*safety & security*) terutama bagi perkara yang bersangkut paut dengan Perkhidmatan Elektrik bagi kakitangan dan orang ramai dan juga bagi harta benda (perkakas) Kerajaan;
12. Menyediakan anggaran tahunan Jabatan dan juga anggaran bagi Rancangan Kemajuan Negara (tiap-tiap lima tahun sekali);
13. Menyelaras projek-projek kerjasama serantau seperti *Association of Southeast Asian Nations (ASEAN)*, *Asia Pacific Economic Cooperation (APEC)*, *Brunei Darusaalam – Indonesia – Malaysia – Philippines East ASEAN Growth Area (BIMPEAGA)* dan lain-lain yang bersangkut paut dengan tenaga elektrik; dan
14. Menjadi Urusetia bagi Jawatankuasa Tenaga Kebangsaan.